



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bahagian Pendidikan Swasta

## GARIS PANDUAN PENUBUHAN SEKOLAH ANTARABANGSA *INTERNATIONAL SCHOOL ESTABLISHMENT GUIDELINE*

**Sekolah Antarabangsa:** Sekolah yang menawarkan kurikulum negara luar dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar serta menerima masuk murid bukan warganegara dan warganegara.


*International school: A school offering a curriculum from another country with English as the medium of instruction for international and local students.*


Kategori sekolah antarabangsa yang boleh ditubuhkan adalah seperti berikut:


*The categories of international schools that can be established are as follow:*


- i) Sekolah rendah antarabangsa: menawarkan pendidikan peringkat prasekolah dan rendah  
*International primary school: offering preschool and primary education*
- ii) Sekolah menengah antarabangsa: menawarkan pendidikan peringkat menengah rendah, menengah atas dan lepasan menengah  
*International secondary school: offering lower secondary, upper secondary and post secondary education*
- iii) Sekolah antarabangsa (penuh): menawarkan pendidikan prasekolah hingga lepas menengah  
*International school (full-fledged): offering preschool until post-secondary education*


BIL. <i>No.</i>	PERKARA <i>Item</i>	SYARAT-SYARAT <i>Conditions</i>
1.	Pemohon <i>Applicant</i>	<ol style="list-style-type: none"><li>a) Pemohon hendaklah warganegara Malaysia. <i>Applicant must be a Malaysian citizen.</i></li><li>b) Jika pemohon bukan pemilik, maka pemilik hendaklah melantik pemohon secara rasmi. <i>If the applicant is not the owner, the owner has to officially appoint the applicant.</i></li><li>c) Pemohon yang dilantik bertanggungjawab berurusan dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menguruskan permohonan.</li></ol>

<b>BIL. No.</b>	<b>PERKARA Item</b>	<b>SYARAT-SYARAT Conditions</b>
		<i>The applicant is responsible in dealing with the application to the Ministry of Education Malaysia.</i>
2.	Pemilikan <i>Ownership</i>	<p>a) Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). <i>A Private Limited Company established in Malaysia and registered with the Companies Commission of Malaysia (CCM).</i></p> <p>b) Aktiviti syarikat berkaitan dengan pendidikan hendaklah jelas dinyatakan dalam <i>Memorandum and Article (M&amp;A)</i> atau dokumen setara dari SSM. <i>Education activities must be clearly stated in the company's Memorandum and Article (M&amp;A) or other relevant documents from CCM.</i></p>
3.	Modal / Ekuiti <i>Paid up capital/Equity</i> 	<p>a) Modal Berbayar minimum: RM1,000,00.00 <i>Minimum paid-up capital: RM1,000,000.00</i></p> <p>b) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen rasmi SSM yang menunjukkan jumlah modal berbayar bagi syarikat. <i>Applications must be submitted with official documents from CCM; clearly stating the paid-up capital of the company.</i></p> <p>c) Ekuiti asing dibenarkan 100% di bawah Dasar Liberalisasi Perdagangan <i>Autonomous</i> untuk perkhidmatan pendidikan mulai 31 Mac 2012. <i>100% foreign equity is allowed under the Autonomous Trade Liberalization Policy for educational service(s) beginning 31st March 2012.</i></p> <p>d) Pemohon hendaklah mengemukakan salinan Borang 24 Akta Syarikat 1965 atau dokumen Seksyen 51 dan Seksyen 78 Akta Syarikat 2016 yang terkini dan disahkan oleh SSM bagi pembuktian modal. <i>Application must be submitted with a copy of the updated Form 24 of the Companies Act 1965 or a copy of the Section 51 and Section 78 of the Companies Act 2016.</i></p>
4.	Lokasi, Premis, Tanah dan Kemudahan <i>Location, Premises, Land and Facilities</i>	<p>a) Hak milik sendiri, Sewaan atau Pajakan. <i>Private, lease or rental property.</i></p> <p>b) Sekiranya premis yang dicadangkan adalah: <i>If the proposed premises is:</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>i. institusi pendidikan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia; atau <i>a registered education institution under any written law in Malaysia; or</i></p> <p>ii. dimiliki oleh mana-mana agensi kerajaan <i>owned by any government agency</i></p> <p>surat kebenaran penggunaan premis sebagai institusi pendidikan swasta daripada pihak kawal selia yang berkenaan hendaklah dikemukakan. <i>a letter of approval on the use of premises as a private education institution from the governing body must be submitted.</i></p> <p>c) Setiap sekolah hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya keluasan binaan premis seperti berikut: <i>The school must have a premises built-up area for the following category:</i></p> <p>i) Sekolah rendah antarabangsa: 30,000 kaki persegi <i>International primary school: 30,000 sqft.</i></p> <p>ii) Sekolah menengah antarabangsa: 25,000 kaki persegi <i>International secondary school: 25,000 sqft.</i></p> <p>iii) Sekolah antarabangsa penuh: 50,000 kaki persegi <i>Full-fledged international school: 50,000 sqft.</i> *kiraan saiz bilik darjah merujuk kepada kadar minimum yang dicadangkan oleh International Institute of Educational Planning (IIEP), UNESCO. <i>*the class size calculation refers to the minimum rate recommended by the International Institute of Educational Planning (IIEP), UNESCO.</i></p> <p>d) Keluasan binaan tidak termasuk laluan awam premis, kawasan awam yang merangkumi kemudahan di luar premis, tempat letak kereta dan jalan dalam premis. <i>The built-up area excludes off-premises corridors and public areas; i.e. off-site facilities, parking and roads within the premises.</i></p> <p>e) Bilangan minimum bilik darjah: <i>Minimum number of classrooms:</i></p> <p>i. Sekolah rendah antarabangsa: 20 buah <i>International primary school: 20 classrooms</i></p> <p>ii. Sekolah menengah antarabangsa: 15 buah <i>International secondary school: 15 classrooms</i></p>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>iii. Sekolah antarabangsa (penuh): 35 buah <i>International school (full-fledged): 35 classrooms</i></p> <p>f) Jumlah murid tertakluk kepada keluasan bilik darjah dengan bilangan maksimum 25 orang. <i>Total number of pupils per classroom is subjected to the size of the room with a maximum of 25 pupils.</i></p> <p>g) Bilik-bilik khas yang wajib disediakan adalah pejabat/ bilik pentadbiran, bilik guru besar/ pengetua, bilik guru, bilik kaunseling, kantin/ kafetaria, surau/ bilik solat, bilik persediaan dan makmal sains (berdasarkan aliran yang ditawarkan), makmal komputer, bilik sakit/ rawatan, bilik isolasi, tandas, bilik mesyuarat, bilik perbincangan, perpustakaan/ pusat sumber, serta kemudahan lain mengikut keperluan kurikulum. <i>Compulsory rooms to be provided are office/ administration room, principal room, staffroom, counselling room, canteen/ cafeteria, surau/ prayer room, preparation room and science lab (based on stream offered), computer lab, sick bay/ treatment room, isolation room, toilet, meeting room, discussion room, library/ resource centre and other facilities required by the curriculum.</i></p> <p>h) Menyediakan dewan serbaguna/ tapak/ gelanggang/ padang permainan untuk aktiviti kokurikulum. <i>Provide multipurpose hall/ playground/ court/ field for co-curricular activities.</i></p> <p>i) Premis yang dibenarkan adalah bangunan yang dikhususkan untuk aktiviti pendidikan. Blok/ Unit yang digunakan tidak terpisah oleh entiti lain atau laluan awam. <i>Only purpose-built buildings for educational activities are allowed. Blocks/ Units must be intact and not separated by other entities or public access.</i></p> <p>j) Lokasi, penggunaan tanah dan premis adalah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan dan Ketua Pendaftar. <i>Location, use of land and premises are subjected to approval of the Local Council and the Registrar General.</i></p> <p>k) Kawasan persekitaran hendaklah bersesuaian, kondusif dan selamat untuk menjalankan aktiviti pendidikan. <i>The surrounding area must be suitable, conducive and safe for educational activity.</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>I) Kemudahan tambahan (diwajibkan): <i>Additional facilities (compulsory)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lobi Utama/ Meja Sambut Tetamu <i>Main Lobby/ Reception Area</i></li> <li>ii. Sistem kehadiran biometrik <i>Biometric attendance system</i></li> <li>iii. Pondok/ Kaunter Pengawal Keselamatan <i>Security Guard Post/ Counter</i></li> <li>iv. Ruang mengambil dan menurunkan murid (Sekurang-kurangnya enam (6) lot parkir sekiranya menggunakan bangunan komersial) <i>Pupils' pick-up and drop-off area (A minimum of six (6) parking bays for commercial building)</i></li> <li>v. Laluan kecemasan dan tapak berkumpul <i>Emergency exit and assembly point</i></li> <li>vi. Sistem televisyen litar tertutup (CCTV) *Tertakluk kepada pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) <i>Close circuit television system (CCTV)</i> *Subject to the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA)</li> </ul>
5.	Nama Institusi <i>Name of institution</i>	<p>a) Nama bagi sekolah antarabangsa hendaklah mengikut ketetapan berikut: <i>The name for an international school must abide to the following conventions:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Sekolah rendah antarabangsa: "Sekolah Rendah Antarabangsa ..." <i>International primary school:</i> <i>"... International Primary School"</i></li> <li>ii) Sekolah menengah antarabangsa: "Sekolah Menengah Antarabangsa ..." <i>International secondary school:</i> <i>"... International Secondary School"</i></li> <li>iii) Sekolah antarabangsa (penuh): "Sekolah Antarabangsa ..." <i>International school (full-fledged):</i> <i>"... International School"</i></li> </ul>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>b) Penggunaan nama khas hendaklah disertakan dengan dokumen berkaitan kebenaran penggunaan nama tersebut daripada pihak yang berkaitan. <i>The use of proper noun or specific name requires consent from related parties.</i></p> <p>c) Paparan nama sekolah hendaklah mengikut nama seperti di dalam perakuan pendaftaran. <i>The signage of the school must follow the official registered name.</i></p>
6.	<p>Kurikulum <i>Curriculum</i></p> 	<p>a) Menggunakan kurikulum negara luar, bahasa pengantarnya adalah Bahasa Inggeris dan dipersetujui atau tertakluk kepada kelulusan Ketua Pendaftar. <i>The implemented curriculum (from another country with English as the medium of instruction) is subjected to approval of the Registrar General.</i></p> <p>b) Kurikulum yang dibenarkan adalah: <i>Curriculum which have been approved are:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kurikulum British <i>British Curriculum</i></li> <li>ii) Kurikulum Amerika <i>American Curriculum</i></li> <li>iii) Kurikulum Australia <i>Australian Curriculum</i></li> <li>iv) Kurikulum Kanada <i>Canadian Curriculum</i></li> <li>v) Program Diploma International Baccalaureate <i>International Baccalaureate Diploma Programme</i></li> </ul> <p>*Permohonan melaksanakan selain kurikulum di atas, tertakluk kepada kelulusan Ketua Pendaftar. <i>Applications to implement other than the above curriculum are subject to the approval of the Registrar General.</i></p> <p>c) Surat sokongan daripada badan pensijilan kurikulum yang digunakan hendaklah dikemukakan semasa permohonan. <i>A letter of support from the curriculum certification body must be submitted upon application.</i></p> <p>d) Sekolah hendaklah mendapat akreditasi daripada badan pengiktirafan antarabangsa dalam tempoh lima (5) tahun beroperasi. <i>The school must obtain accreditation from an international accreditation body within five (5) years in operation.</i></p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>e) Sekiranya terdapat lima (5) orang atau lebih murid yang beragama Islam, sekolah hendaklah mengadakan pengajaran agama Islam selama tempoh sekurang-kurangnya dua (2) jam seminggu dalam waktu pengajaran biasa bagi murid tersebut. <i>Should the school have five (5) or more Muslim pupils, Religious Islamic lessons of at least two (2) hours per week must be conducted within the normal schooling hours.</i></p>
7.	Lembaga Pengelola <i>Board of Governors</i>	<p>a) Lembaga Pengelola hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli dengan bilangan ganjil termasuk Pengerusi. <i>The Board of Governors must consist of a minimum of five (5) members or any odd number including the Chairman.</i></p> <p>b) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) warganegara Malaysia sebagai ahli lembaga pengelola. <i>The board of governors must consist of at least one (1) Malaysian citizen.</i></p> <p>c) Guru Besar/ Pengetua tidak boleh dilantik sebagai Lembaga Pengelola. <i>The Principal/ Headmaster cannot be appointed as a member of the Board of Governors.</i></p> <p>d) Guru Besar/ Pengetua akan bertindak sebagai Setiausaha. <i>The Principal/ Headmaster will act as the Secretary.</i></p> <p>e) Ahli Lembaga Pengelola (ALP) tidak boleh dilantik sebagai guru. <i>Members of the Board of Governors cannot be appointed as a teacher.</i></p> <p>f) ALP hendaklah lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). <i>Members of the Board of Governors must pass the Royal Malaysia Police security check.</i></p> <p>g) Semua ALP yang telah diluluskan pelantikannya hendaklah mempunyai permit. <i>All appointed members of the Board of Governors must possess a permit. permit issued by the Ministry of Education Malaysia.</i></p>
8.	Surat Cara Pengelolaan	<p>a) Sekolah hendaklah mengemukakan Surat Cara Pengelolaan bersama-sama permohonan penubuhan institusi pendidikan.</p>


BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
	<i>Instrument of Governance</i>	<p><i>The Instrument of Government must be attached with the application of establishment.</i></p> <p>b) Sebarang pindaan kepada Surat Cara Pengelolaan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pendaftar. <i>Any amendments to the Instrument of Government must be informed to the Registrar General.</i></p>
9.	Murid <i>Pupils</i> 	<p>a) Pengambilan murid bukan warganegara : <i>Non-citizen students recruitment</i></p> <p>i) Pihak sekolah hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan sokongan daripada KPM sebelum pengambilan murid antarabangsa. <i>The school need to obtain a support letter from MoE prior to seeking approval from the Ministry of Home Affairs (KDN) before recruiting international students.</i></p> <p>ii) Murid bukan warganegara hendaklah mempunyai pas kemasukan yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia semasa belajar di sekolah antarabangsa. <i>Foreign pupils must possess a valid entry pass from the Immigration Department of Malaysia.</i></p> <p>b) Pengambilan murid warganegara Malaysia: <i>Malaysian students recruitment:</i></p> <p>i) Tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2012: Pelaksanaan Dasar Kemasukan Murid Warganegara Malaysia ke Sekolah Antarabangsa berkuatkuasa bertarikh 1 Julai 2012 yang telah memansuhkan kuota kemasukan murid warganegara Malaysia ke sekolah antarabangsa <i>Subjected to the Circular: "Pekeliling Ikhtisas Bil.1/2012: The implementation of Malaysian Students Intake to the International School" effective 1st July 2012, the quota for Malaysian students intake had been abolished.</i></p> <p>ii) Sekolah antarabangsa diwajibkan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (dalam jadual waktu rasmi) bagi mata pelajaran berikut kepada murid warganegara Malaysia: <i>The school must implement these subjects within the official timetable:</i></p> <p>a. Bahasa Melayu;</p>




BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p><i>Malay Language;</i></p> <p>b. Pendidikan Islam/Pendidikan Moral; dan <i>Islamic Studies/Moral Studies; and</i></p> <p>c. Sejarah Malaysia. <i>Malaysian History.</i></p>
10.	<p>Guru Besar / Pengetua <i>Headmaster/ Principal</i></p> 	<p>a) Sekolah antarabangsa hendaklah melantik seorang guru besar/ pengetua yang bertanggungjawab untuk menguruskan pentadbiran kurikulum. <i>A headmaster/ principal must be appointed as the person in charge of curriculum administration.</i></p> <p>b) Guru Besar/ Pengetua hendaklah: <i>The headmaster/ principal must:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat ijazah sarjana muda; <i>possess a minimum bachelor's degree;</i></li> <li>ii. mempunyai kelayakan profesional dan ikhtisas serta berpengalaman dalam mentadbirkan urusan pendidikan. <i>posses academic and professional qualifications with experience in educational administration management;</i></li> <li>iii. mempunyai permit mengajar jika diperlukan untuk mengajar. <i>possess a teaching permit if required to teach.</i></li> <li>iv. sihat fizikal dan mental serta diperakui oleh pengamal perubatan di Malaysia; dan <i>be physically and mentally fit, and certified by a medical practitioner in Malaysia; and</i></li> <li>v. lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). <i>pass the Royal Malaysia Police security check.</i></li> </ul> <p>c) Seorang Guru Besar/ Pengetua hanya boleh mentadbir sebuah (1) sekolah dalam satu masa. <i>A headmaster/ principal is only allowed to manage one (1) school at any particular time.</i></p>
11.	<p>Guru <i>Teachers</i></p>	<p>a) Guru perlu mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dengan keperluan kurikulum. <i>Teachers should possess the required academic qualifications.</i></p>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>b) Guru yang mengajar bidang Pendidikan Islam hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN). <i>Teachers teaching any field of Islamic Education need to be approved by the respective State Religious Authority.</i></p> <p>c) Guru hendaklah sihat fizikal dan mental serta diperakui oleh pengamal perubatan di Malaysia. <i>Teachers must be physically and mentally fit, and certified by a medical practitioner in Malaysia.</i></p> <p>d) Semua guru hendaklah mempunyai permit mengajar. <i>All teachers must possess teaching permits.</i></p> <p>e) Lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). <i>Pass the Royal Malaysia Police security check.</i></p> <p>f) Sekolah antarabangsa digalakkan mengambil guru-guru warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dengan keperluan kurikulum. <i>Schools are encouraged to recruit qualified Malaysian teachers based on the curriculum's needs of expertise.</i></p> <p>g) Bagi pengambilan guru bukan warganegara: <i>Non-citizen teachers recruited by the school must:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. berumur 22 tahun ke atas; <i>be 22 years old and above;</i></li> <li>ii. mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat ijazah sarjana muda; <i>possess at least a bachelor's degree;</i></li> <li>iii. mempunyai kelayakan ikhtisas seperti berikut : <i>possess one of the following professional qualification:</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• ijazah/ diploma/ sijil dalam bidang pendidikan dengan minimum 3 tahun pengalaman mengajar; <b>ATAU</b> <i>degree/ diploma/ certificate in education and possess at least three (3) years experience in teaching; OR</i></li> <li>• sijil kejurulatihan dalam bidang berkaitan bagi permohonan jawatan jurulatih sukan/ kokurikulum dengan minimum 3 tahun pengalaman dalam bidang tersebut; <b>ATAU</b></li> </ul> </li> </ol>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p><i>coaching certification in fields related to the position of sports/ co-curricular trainers/ coaches and possess at least three (3) years experience in the related field;</i> <b>OR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>berpengalaman mengajar di mana-mana institusi pendidikan sekurang-kurangnya 10 tahun. <i>teaching experience of at least 10 years in any institution.</i></li> </ul> <p>iv. sekolah hendaklah mengemukakan permohonan <b>surat sokongan</b> bagi tujuan mendapatkan pas pengajian daripada Jabatan Imigresen Malaysia. <i>schools need to submit an application for a <b>letter of support</b> prior to the application of work permits from the Immigration Department of Malaysia.</i></p> <p>v. Gaji dan kontrak pekerjaan bagi guru antarabangsa adalah seperti berikut : <i>Categories of wage and work contract for foreign teachers are as follows:</i></p> <p><b>Kategori I</b> RM10,000.00 ke atas merangkumi gaji pokok sahaja tidak termasuk faedah-faedah lain yang diterima. Syarat kontrak pekerjaan minimum dua (2) tahun dan maksimum lima (5) tahun. <b>Category I</b> <i>Basic salary of RM 10,000.00 not inclusive of other benefits. Employment contract must be a minimum of two (2) years and a maximum of five (5) years.</i></p> <p><b>Kategori II</b> RM5,000.00 to RM9,999.99 merangkumi gaji pokok sahaja tidak termasuk faedah-faedah lain yang diterima. Syarat kontrak pekerjaan minimum satu (1) tahun dan maksimum dua (2) tahun. <b>Category II</b> <i>Basic salary range from RM5,000.00 to RM9,999.99 not inclusive of other benefits. Employment contract must be a minimum of one (1) year and a maximum of two (2) years.</i></p> <p><b>Kategori III</b> RM3,000.00 to RM4,999.99 merangkumi gaji pokok sahaja tidak termasuk faedah-faedah lain yang diterima. Syarat kontrak pekerjaan minimum satu (1)</p>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p>tahun dan tidak melebihi dua (2) kali permohonan lanjutan.</p> <p><b>Category III</b>  <i>Basic salary range from RM3,000.00 to RM4,999.99 not inclusive of other benefits. Employment contract must be a minimum of one (1) year and with a maximum of two (2) renewals.</i></p>
12.	<p>Yuran dan bayaran lain  <i>Fees and additional charges</i></p> 	<p>a) Kadar yuran yang dikenakan hendaklah bersesuaian dengan lokasi dan kemudahan pembelajaran yang diberikan.  <i>Fee charged must be based on location as well as learning facilities provided.</i></p> <p>b) Struktur yuran dicadangkan diselaraskan mengikut kategori tetap seperti berikut:  <i>The proposed fee structure must adhere to these categories:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Yuran Kemasukan (jika perlu) cth.: Ujian Kemasukan  <i>Admission fee (if necessary) e.g.: Placement Test</i></li> <li>ii) Yuran Pendaftaran  <i>Registration fee</i></li> <li>iii) Deposit (sekali sahaja dan hendaklah dikembali): Tidak melebihi RM5,000  <i>Deposit (once and refundable): Must be less than RM 5,000.00</i>  <i>*Sekali dan dikembalikan jika memenuhi syarat yang telah dipersetujui oleh pihak sekolah dan ibu bapa/ penjaga.</i>  <i>*Once and refundable upon terms and conditions agreed by the school and parents/ guardians.</i></li> <li>iv) Yuran pengajian (tahunan)  <i>Tuition fees (annual)</i>   Yuran yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran serta sukan dan kokurikulum.  <i>Tuition Fees related to teaching and learning, and include sports and co-curricular activities.</i></li> <li>v) Yuran makan (tahunan) – jika disediakan  <i>Meal Fees (annual) – if provided</i></li> <li>vi) Yuran pengangkutan (tahunan) – jika disediakan  <i>Transportation Fees (annual) – if provided</i></li> <li>vii) Yuran asrama (tahunan) – jika disediakan</li> </ul>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p><i>Boarding Fees (annual) – if provided</i></p> <p>c) Yuran pembangunan (<i>development/building fee</i>) tidak boleh dikenakan kepada murid. <i>Students should not be charged any form of development/building fee.</i></p> <p>d) Sebarang kenaikan yuran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar berdasarkan syarat berikut: <i>Any changes to the fee structure must be approved by the Registrar General based on:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) perakuan pendaftaran yang belum tamat tempoh; <i>a valid school registration;</i></li> <li>ii) tiga (3) tahun selepas kelulusan terakhir diberikan; dan <i>the current fee has exceeded 3 years from the previous approval; and</i></li> <li>iii) kadar kenaikan maksimum sebanyak 30 peratus sahaja. <i>fee increase at a maximum rate of not more than thirty percent (30%).</i></li> </ul> <p>e) Sebarang kenaikan deposit tidak dibenarkan. <i>No increase in deposit is allowed.</i></p>
13.	Pematuhan kepada Peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] <i>Adherence to the Educational Act 1996 (Act 550)</i>	<p>a) Subseksyen 86(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan: <i>Subsection 86(1) Educational Act 1996 (Act 550) states that:</i></p> <p>“Tiada seorang pun boleh mempromosikan sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya, melainkan jika institusi pendidikan itu telah didaftarkan atau perakuan pendaftaran sementara telah dikeluarkan di bawah subseksyen 81(1)”.</p> <p><i>“No person shall promote an educational institution, whether by advertisement, prospectus, brochure or otherwise, unless the educational institution has been registered or a provisional certificate of registration has been issued under subsection 81(1)”.</i></p> <p>b) Subseksyen 132(2)(g) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan:</p>

BIL. No.	PERKARA Item	SYARAT-SYARAT Conditions
		<p><i>Subsection 132(2)(g) Educational Act 1996 (Act 550) states that:</i></p> <p>“Seseorang yang bertindak sebagai pengelola atau pekerja di institusi pendidikan yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan...”</p> <p><i>“A person who acts as a governor or an employee in an educational institutions not registered under this Act shall be guilty of an offence...”</i></p>

Dikemaskini 04 Februari 2021  
Updated 04 February 2021



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

- Dokumen Tamat –  
- End of Document -